

24 MAY 2002

Mahathir-Satelit/I

SATELIT KETIGA MALAYSIA SIAP DUA TAHUN LAGI

Oleh: Amin Husaini Harun

SEOUL, 24 Mei (Bernama) -- Malaysia dijangka mempunyai satelit ketiganya yang dikenali sebagai Medium-size Aperture Camera Satellite (Macsat) dua tahun lagi.

Satelit itu sedang dibina oleh Astronautic Technology (M) Sdn Bhd di Institut Penyelidikan Standard dan Sains Korea di Daejon, kira-kira dua jam perjalanan dengan kereta dari sini.

Program angkasa lepas Malaysia bermula dengan pelancaran satelit pertamanya, Malaysia East Asian Satellite (Measat) pada 1996 diikuti dengan pelancaran satelit mikro TiungSAT-1 yang dibina sendiri pada tahun 2000.

Kedua-dua satelit itu digunakan untuk tujuan kajicuaca, tebatan dan pengurusan bencana, pemantauan pencemaran, komunikasi digital, pemetaan, pendidikan dan hiburan.

Dalam rangka lawatan tiga harinya ke Korea Selatan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Astronautic Technology dan beliau diberi taklimat oleh Prof Datuk Dr Mazlan Othman, Pengarah Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Angkasa Lepas yang juga bekas ketua pengarah Bahagian Sains Angkasa Malaysia (Baksa).

Perdana Menteri juga melawat pameran teknologi angkasa syarikat itu serta makmal optikalnya.

Terdahulu, Dr Mahathir serta anggota rombongannya melawat pusat penyelidikan dan pembangunan LG Chem Investment, juga di Daejon.

Sejurus selesai melawat Astronautic Technology, perdana menteri menuju ke Lapangan terbang Antarabangsa Chongju untuk berlepas pulang ke tanah air dengan pesawat khas.

Antara orang kenamaan yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau ialah Ketua Bahagian Protokol Korea Selatan Brig Jen Ku Bon Dam, Duta Malaysia ke Seoul Datuk V. Yoolingam dan kakitangan kedutaan.

Lawatan tiga hari Dr Mahathir ke Korea Selatan dibuat atas jemputan Presiden Kim Dae-jung. Ini merupakan lawatan rasmi pertama beliau ke negara ini.

Sebelum ini beliau telah melakukan tujuh lawatan kerja ke Korea Selatan.

Semalam, Dr Mahathir melawat Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Hyundai-KIA Motor di Hwaseong, Gyeonggi-do.

Semasa berada di Seoul, perdana menteri mengadakan perbincangan dengan Kim, berucap pada majlis jamuan tengah hari anjuran empat persatuan perniagaan terkemuka dan menyaksikan pemeteraian tujuh memorandum persefahaman (MoU) antara lima entiti perniagaan Malaysia dan lapan rakan kongsi mereka dari Korea Selatan.

-- BERNAMA

AHH ZS JK SP RON